

24 MAR 1997

Teleperubatan

TELEPERUBATAN -- MALAYSIA CONTOHI NEGARA

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Kementerian Kesihatan berharap untuk melaksanakan teleperubatan sepenuhnya menjelang akhir tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman hari ini.

"Ini semua bergantung kepada peralatan dan kemudahan yang cukup bagi melaksanakannya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri satu demonstrasi "Teleperubatan dan Obstetrik" di sini hari ini.

Beliau memberitahu bahawa kementeriannya akan menyerahkan laporan mengenai perlaksanaan teleperubatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jun depan.

Dr Abu Bakar berkata kementerian kesihatan akan mencontohi pengalaman beberapa buah negara maju dalam pelaksanaan teleperubatan termasuk kos yang dikenakan ke atas pesakit.

Beliau berkata satu garis panduan akan turut disediakan dalam menentukan kos yang dikenakan ke atas pesakit yang menggunakan teleperubatan.

"Sebelum menentukan kosnya, kementerian akan mendapatkan maklumat daripada pelbagai pihak...tetapi setakat ini, apa yang lebih diutamakan ialah pelaksanaannya," katanya.

Sebelum itu, beliau turut merasmikan Unit Rawatan Harian Obstetrik dan Pusat latihan Obstetrik dan Ginekologi di Hospital Kuala Lumpur.

Abu Bakar berkata, di Amerika Syarikat hospital-hospital yang menggunakan teleperubatan membuat tuntutan daripada pesakit dan syarikat insuran.

Di Australia pula, katanya, kos perbelanjaan sukar ditentukan kerana faktor kawasan luar bandar dan bandar atau dari satu negeri dengan negeri lain.

Terdapat dua elemen penting dalam teleperubatan iaitu "sidang video" dan "tele-radiologi".

Teleperubatan merupakan satu manfaat teknologi maklumat yang akan dipergunakan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia. -- BERNAMA

WE WAT